




Ruj Tuan :
Ruj. Kami : KKM. 100-2/2/3 JLD. 4 (25)
Tarikh : 17 Jun 2021

YBhg. Tan Sri Dato' Seri Dr. Noor Hisham Bin Abdullah
Ketua Pengarah Kesihatan

Melalui :

YBhg. Datuk Dr. Chong Chee Kheong
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan (Kesihatan Awam)


DATUK DR. CHONG CHEE KHEONG
(MMC 26473)
Timbalan Ketua Pengarah Kesihatan
(Kesihatan Awam)
Kementerian Kesihatan Malaysia

YBhg. Tan Sri,

**KENYATAAN AKHBAR KETUA PENGARAH KESIHATAN
MALAYSIA MENGENAI SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA
DAN CHIKUNGUNYA DI MALAYSIA**

Dengan segala hormatnya merujuk kepada perkara tersebut di atas.

2. Bersama-sama ini dikemukakan Kenyataan Akhbar Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia berkenaan Situasi Semasa Demam Denggi, Zika dan Chikungunya di Malaysia bagi ME 23/2021 (6 Jun hingga 12 Jun 2021) untuk persetujuan YBhg. Tan Sri.

Sekian, terima kasih.

“PRIHATIN RAKYAT: DARURAT MEMERANGI COVID-19”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menjalankan amanah,


(DATUK DR. NORHAYATI BT RUSLI)
Pengarah Kawalan Penyakit
Kementerian Kesihatan Malaysia




KENYATAAN AKHBAR
KETUA PENGARAH KESIHATAN MALAYSIA
SITUASI SEMASA DEMAM DENGGI, ZIKA DAN CHIKUNGUNYA DI
MALAYSIA

(Bagi Minggu 23/2021 dari 6 Jun hingga 12 Jun 2021)


Pada minggu ke-23, kes Demam Denggi yang dilaporkan menunjukkan peningkatan sebanyak 30 kes (5.7%), menjadikan jumlah kes 559 berbanding 529 kes pada minggu sebelumnya. Dua (2) kematian akibat komplikasi Demam Denggi dilaporkan pada minggu ke-23. Kumulatif kes Demam Denggi sehingga kini adalah sebanyak 12,188 kes berbanding 48,584 kes bagi tempoh sama tahun 2020 iaitu penurunan 74.9% (36,396 kes), manakala kumulatif kematian adalah sebanyak lapan (8) kematian berbanding 84 kematian bagi tempoh sama tahun 2020 iaitu pengurangan 76 kematian (90.5%) **(Lampiran A & C)**. Jumlah lokaliti hotspot pada minggu ke-23 adalah sama seperti minggu sebelumnya, iaitu sebanyak lima (5) lokaliti. Empat (4) lokaliti hotspot berada di Negeri Selangor manakala satu (1) lokaliti hotspot lagi berada di WPKL & Putrajaya. **(Lampiran B & D)**.

Sistem Survelan Chikungunya merekodkan sebanyak 50 kes pada minggu ke-23 yang mana 24 kes dari WPKL & Putrajaya, masing-masing sembilan (9) kes dari Perak dan Johor, lima (5) kes dari Pulau Pinang serta masing-masing satu (1) kes dari Selangor, Melaka dan Kelantan. Jumlah kumulatif kes Chikungunya sehingga kini adalah 612 **(Lampiran E)**. Bagi survelan Zika, sebanyak 709 sampel darah dan 21 sampel urin telah dijalankan saringan Zika dan hasil kesemuanya adalah negatif.


Hari Denggi ASEAN yang disambut pada 15 Jun setiap tahun merupakan platform untuk meningkatkan penglibatan masyarakat dalam aktiviti pencegahan Denggi. KKM bersama pelbagai kementerian, jabatan dan agensi telah melaksanakan pelbagai program bagi pencegahan dan kawalan Denggi. Namun kejayaan dalam membanteras jangkitan Demam Denggi terletak di bahu setiap lapisan masyarakat. Dalam situasi pandemik COVID-19 ketika ini, luangkan sekurang-kurangnya 10 minit seminggu untuk melakukan aktiviti cari dan musnah di premis masing-masing. Pelitup muka serta bahan buangan lain perlu dibuang di tempat yang sepatutnya. Terus laksanakan gotong-royong sendiri, penjagaan kebersihan persekitaran, semburan aerosol serta gunakan bahan pembunuh jentik-jentik untuk memutuskan rantai jangkitan Demam Denggi. **Tiada Aedes, tiada Denggi, Chikungunya, dan Zika.**




TAN SRI DATO' SERI DR. NOOR HISHAM BIN ABDULLAH
Ketua Pengarah Kesihatan
Kementerian Kesihatan Malaysia
21 Jun 2021




Gambarajah 1: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi minggu ke- 22 dan ke- 23 tahun 2021



Gambarajah 2: Perbandingan Kes dan Kematian Demam Denggi sehingga minggu ke- 23 tahun 2021 dan tempoh sama tahun 2020



Gambarajah 3: Perbandingan tren kes Mingguan Demam Denggi Malaysia Tahun 2021, 2020 dan Median 2016-2020



Gambarajah 4: Jumlah lokaliti hotspot Denggi minggu ke-23 tahun 2021

Lampiran C

**BILANGAN KES DENGGI PADA MINGGU 23/2021
(6 Jun hingga 12 Jun 2021)**

Bil.	Negeri	Bilangan Kes dan Kematian Denggi dilaporkan				Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 23/2021		Kumulatif Kes Denggi sehingga ME 23/2020	
		Minggu 23 (6 Jun – 12 Jun 2021)		Minggu 22 (30 Mei – 5 Jun 2021)		Kes	Mati	Kes	Mati
		Kes	Mati	Kes	Mati				
1	Perlis	0	0	1	0	9	0	27	0
2	Kedah	13	0	12	0	201	0	419	0
3	P. Pinang	12	0	14	0	215	0	387	1
4	Perak	12	0	10	0	282	0	1,797	3
5	Selangor	347	1	323	0	6,978	2	27,712	28
6	WP KL & Putrajaya	68	0	66	0	1,353	1	5,000	5
7	N. Sembilan	13	0	8	0	301	1	1,281	4
8	Melaka	13	0	9	0	377	0	1,044	4
9	Johor	26	0	35	0	1,113	1	4,371	18
10	Pahang	7	0	4	0	247	1	1,242	4
11	Terengganu	3	0	0	0	20	0	176	0
12	Kelantan	2	0	1	0	101	0	1,700	4
13	Sarawak	4	0	4	0	205	0	1,037	2
14	Sabah	39	1	42	0	782	2	2,386	11
15	WP Labuan	0	0	0	0	4	0	5	0
	MALAYSIA	559	2	529	0	12,188	8	48,584	84

Lampiran D**LOKALITI HOTSPOT PADA MINGGU 23/2021
(6 Jun hingga 12 Jun 2021)**

NO	NEGERI	DAERAH	LOKALITI	BIL KES	TEMPOH WABAK (HARI)
1	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan Impian Murni Saujana Impian	31	76
2	SELANGOR	Hulu Langat	Jalan 7/5 Seksyen 7 Bandar Baru Bangi	6	40
3	WPKL	Cheras	Flat Sri Sabah B(Blok 62-70)	7	40
4	SELANGOR	Hulu Langat	Appt Seksyen 5 Bandar Teknologi	7	39
5	SELANGOR	Kuala Langat	Jeti Sri Tama Pulau Carey	13	37

**PECAHAN KES CHIKUNGUNYA MENGIKUT DAERAH DAN NEGERI
SEHINGGA MINGGU EPID 23/2021 (12 Jun 2021)**

BIL	NEGERI	DAERAH	BIL KES (Daerah)	BIL KES (Negeri)
1.	Johor	Johor Bahru	4	68
		Kluang	1	
		Muar	5	
		Segamat	22	
		Tangkak	36	
2.	Kedah	Baling	4	88
		Kota Setar	1	
		Kuala Muda	56	
		Kulim	22	
		Langkawi	1	
		Sik	4	
3.	Kelantan	Gua Musang	1	13
		Kuala Krai	3	
		Pasir Mas	1	
		Pasir Puteh	1	
		Tanah Merah	1	
		Tumpat	6	
4.	Melaka	Alor Gajah	2	20
		Melaka Tengah	18	
5.	Negeri Sembilan	Seremban	1	1
6.	Perak	Kinta	6	151
		Kuala Kangsar	25	
		Larut Matang & Selama	25	
		Manjung	95	
7.	Pulau Pinang	Barat Daya	26	37
		SP Selatan	1	
		SP Tengah	2	
		SP Utara	6	
		Timur Laut	2	
8.	Selangor	Gombak	6	83
		Hulu Langat	23	
		Klang	50	
		Petaling	1	
		Sepang	3	
9.	WP Kuala Lumpur	Cheras	28	151
		Kepong	79	
		Lembah Pantai	16	
		Titivangsa	28	
JUMLAH KUMULATIF			612	

